



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**LAPORAN PROGRAM/AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH CTL
UNTUK TUJUAN MEMPERTINGKATKAN KUALITI DAN KEBERKESANAN
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) DI SEPANJANG TAHUN 2006**

OLEH

**MOHD SALLEH BIN ABU
CENTRE FOR TEACHING & LEARNING (CTL)**

DISEMBER 2006

**PROGRAM/AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH CTL UNTUK TUJUAN MEMPERTINGKATKAN KUALITI DAN
KEBERKESANAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) DI SEPANJANG TAHUN 2006**

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
1.	Program Latihan P&P Bagi Staf Akademik Baru	<i>Teaching Certificate for Higher Education (TCHE)</i>	<p>a. Objektif utama TCHE ialah untuk melatih ahli profesional dan bukan profesional (jurutera, arkitek, saintis, dll) menjadi <i>professional educators at higher education institute (HEIs)</i>.</p> <p>b. TCHE dilaksanakan dalam dua tahap iaitu:</p> <p>i. Tahap I (meliputi <i>Basic Teaching Foundation</i> yang direkabentuk dalam 3 modul iaitu <i>The Essentials of Effective Teaching at HEIs, Assessment of Student Learning</i> dan <i>Teaching With Technology</i>).</p> <p>ii. Tahap II (meliputi <i>The Essentials Skills for Effective Teaching at HEIs</i> yang ditekabentuk dalam 3 modul iaitu <i>Managing Student Development, Additional Skills for Teaching in HEI</i> dan <i>Professionalizing Teaching in HEIs</i>).</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Wajib dihadiri oleh semua staf akademik (DS45) baru yang yang dilantik selepas atau pada 1 Mei 2004. • Peserta yang berjaya dianugerahkan <i>TCHE Level I</i> dan <i>TCHE Level II</i>.

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
2.	<i>Refresher/Advanced Courses for T&L Improvement</i>	(Rujuk Lampiran untuk Senarai Kursus)	<p>a. Objektif utama kursus yang tergolong dalam kategori ini ialah untuk membantu staf akademik:</p> <p>i. mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran P&P (peringkat asas dan <i>intermediate</i>).</p> <p>ii. menguasai pengetahuan dan kemahiran P&P lanjutan atau/dan terkini.</p> <p>b. Kursus-kursus ini adalah sebahagian dari program <i>continuous professional development</i> (CPD) bagi staf akademik.</p> <p>c. Kursus-kursus ini direkabentuk dan dibangunkan bersesuaian dengan keperluan penguasaan kompetensi staf akademik yang kemudiannya akan diukur melalui Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Diwajibkan kepada staf akademik (DS45/DS52/DS54/VK07) yang berminat atau/dan dikenalpasti oleh Fakulti • Dilaksanakan secara <i>structured and pre-planned</i> sepanjang tahun dengan kerjasama HRD.
3.	Penilaian Pengajaran Pensyarah (PPP)	<p>i. PPP (Manual)</p> <p>ii. e-PPP</p>	<p>a. PPP (Manual) dan e-PPP direkabentuk dan dilaksanakan untuk tujuan memberi maklumbalas mengenai kualiti dan keberkesanan P&P setiap staf akademik yang terlibat. Maklumat ini akan digunakan oleh staf akademik untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti dan kebekesanan P&P mereka.</p> <p>b. PPP (Manual) dilaksanakan secara <i>offline</i> sementara e-PPP dilaksanakan secara <i>online</i>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kedua-dua jenis PPP dilaksanakan bagi setiap kumpulan kuliah di setiap semester bagi setiap staf akademik yang terlibat. • Ianya dilakukan secara <i>lecturer-free</i> tanpa gangguan/ penglibatan dari staf akademik terlibat.

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
4.	Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris (BI) Di Kalangan Pelajar	<i>English Language Support Programme (ELSP)</i>	<p>a. Objektif utama program ini adalah untuk membantu pelajar UTM mempertingkatkan penguasaan BI menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan keperluan dan gaya pembelajaran individu.</p> <p>b. Tumpuan aktiviti <i>ELSP</i> adalah memberi sokongan kepada pelajar untuk belajar <u>dalam</u> bahasa Inggeris (<i>learning and teaching in English</i>) dan bukan semata-mata pembelajaran BI (<i>learning English</i>). <i>ELSP</i> juga suatu program bersifat <i>over and above</i> kepada mata pelajaran English wajib Universiti.</p> <p>c. Program ini melibatkan pelbagai kaedah pendekatan meliputi:</p> <p>i. Kursus pendek <i>English for General Purposes (EGP)</i> dan <i>English for Specific Purposes (ESP)</i></p> <p>ii. Pembangunan <i>Online Resources for Learning & Teaching in English (ORTLE)</i></p> <p>iii. P&P berasaskan pendekatan <i>Content-Area Tutoring (CAT)</i></p> <p>iv. Penyediaan <i>Help Desk</i> dan <i>Language Clinic</i></p> <p>v. Pelbagai <i>Language Enhancement Activities</i> berasaskan pendekatan holistik yang melibatkan Fakulti dan kolej kediaman.</p> <p>vi. Pembangunan <i>The UTM Test of Workplace Communication Skills in English (UTM-TWCSE)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Secara umumnya, penglibatan pelajar dalam aktiviti <i>ELSP</i> dibuat di atas dasar <i>voluntarily</i>. Bagaimanapun, beberapa program adalah diwajibkan kepada kumpulan pelajar dengan penguasaan BI yang lemah (<i>MUET Band 1 & Band 2</i>). • Setakat ini, pembangunan <i>ORTLE</i> berada pada tahap 30% siap. Sehingga kini, <i>ORTLE</i> adalah amat popular di kalangan pelajar dengan purata capaian (<i>hit</i>) kira-kira 1000 <i>hits per day</i>. • Setakat ini, pembangunan <i>UTM-TWCSE</i> adalah kira-kira 10% siap. Apabila siap kelak, <i>UTM-TWCSE</i> adalah merupakan <i>an employer-certified test</i> yang digunakan untuk mengukur penguasaan BI di kalangan graduan dan bakal graduan.

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
5.	Program Khas Berkaitan P&P Melibatkan Pelajar Tahun Pertama (<i>First Year Experience</i> atau ringkasnya FYE)	i. Analisis Kualiti Ambilan Pelajar Tahun Pertama ii. Program Khas FYE kepada staf akademik yang mengajar pelajar Tahun Pertama iii. Program Khas FYE bersama pelajar cemerlang	a. Objektif utama aktiviti ini ialah untuk membantu: <ul style="list-style-type: none"> i. staf akademik lebih memahami sifat dan keupayaan akademik pelajar yang akan mereka ajar. ii. Menguasai kaedah dan pendekatan P&P yang sesuai bagi kumpulan pelajar tahun pertama yang dikendalikan. iii. Membantu pelajar berpotensi untuk terus mencapai kecemerlangan akademik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Selain aktiviti di peringkat CTL, aktiviti yang serupa tetapi lebih spesifik juga dilaksanakan oleh setiap Fakulti. • Di peringkat Fakulti, aktiviti dan program bersifat <i>remedial</i> juga dijalankan bagi membantu pelajar-pelajar berprestasi akademik rendah.
6.	Program Penerapan Kemahiran Generik (KG) Di Kalangan Pelajar	i. Penyemakan Semula Atribut Graduan UTM ii. Perincian Kaedah Pelaksanaan Penerapan Atribut Graduan UTM	a. UTM adalah IPTA pertama di Malaysia yang mempunyai Atribut Graduan UTM (versi pertama diluluskan Senat pada 21 Jun 2004). b. Setiap fakulti telah menjadikan program penerapan Atribut Graduan UTM sebagai sebahagian <i>learning outcomes</i> yang mesti dicapai oleh pelajar. c. Dua fakulti juga telah memulakan aktiviti mengaudit pelaksanaan program penerapan Atribut Graduan UTM. d. Universiti juga telah mengenalpasti <i>good practice</i> mengenai penerapan Atribut Graduan UTM dan telah didokumenkan/dimuatkan dalam portal CTL untuk panduan semua staf akademik.	<ul style="list-style-type: none"> • Versi pindaan Atribut Graduan UTM akan dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan pada Januari 2007.

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
7.	P&P Menggunakan Teknologi	e-Pembelajaran	<p>a. Secara keseluruhan, fasa pertama e-Pembelajaran di UTM melibatkan aspek pendigitalan bahan P&P dalam <i>Learning Management System</i> (LMS) berada pada tahap lebih kurang 75 - 80%.</p> <p>b. e-Pembelajaran di UTM kini memasuki Fasa kedua melibatkan atau pembangunan bahan P&P interaktif digital berasaskan LMS sepenuhnya. Sebuah <i>production house</i> sedang diubahsuai dan dijangka mula beroperasi dalam bulan Februari 2007.</p> <p>c. Polisi e-Pembelajaran telah pun digubal dan diperakukan oleh Senat di awal Tahun 2006. Polisi ini kini sedang disemak semula untuk tujuan penambahbaikan.</p>	
8.	Inovasi dan Kreativiti Dalam P&P	<i>Instructional Development Grant (IDG)</i>	<p>a. Universiti telah memperuntukkan dana khas berjumlah RM300 ribu untuk membantu staf menghasilkan inovasi P&P (dalam bentuk produk atau pun kaedah). Setakat ini, sambutan dari staf akademik amat menggalakkan.</p> <p>b. Hasil inovasi kumpulan pertama dijangka mula diperolehi dalam bulan April 2007.</p>	
9.	Pengiktirafan Usaha P&P Di Kalangan Staf	Tokoh Pengajar Terbaik	Universiti telah meluluskan peruntukan untuk mengiktiraf tokoh orang pensyarah terbaik setiap tahun mulai Tahun 2006.	Dua orang pensyarah telah menerima Anugerah Pensyarah Terbaik bagi Tahun 2006.

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
10.	Penyemakan Semula Sistem Penilaian Pembelajaran Di UTM	i. Penyemakan Sistem Pengredan Markah ii. Penyemakan Semula Re-Scaling Exercise at UTM	a. CTL bersama Unit Pengurusan Akademik (UPA) sedang menyediakan draf awal penyemakan semula sistem pengredan markah serta <i>Re-Scaling Exercise</i> yang diamalkan di UTM. b. Objektif utama ialah untuk menyediakan satu dasar amalan pengredan yang lebih selaras dengan amalan IPTA di Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas kerja cadangan Penyemakan Semula Pengredan Markah dan <i>Re-Scaling Exercise</i> akan dikemukakan kepada Senat pada Bulan Mac 2007 unuk kelulusan. • CTL dan UPA sedang berusaha untuk menyemak semula keseluruhan proses penilaian pembelajaran secara komprehensif meliputi penyemakan semula dasar, perancangan, amalan dan proses serta pengurusan hasil penilaian.
11.	Dokumentasi dan Penyebaran Maklumat Berkaitan P&P	i. Polisi P&P UTM ii. <i>Teaching Tips for Effective T&L</i> iii. Portal P&P	a. CTL telah menyiapkan draf Polisi P&P UTM untuk dikemukakan kepada Senat bagi kelulusan. Ini merupakan dokumen rasmi lengkap bersepadu (<i>integrated</i>) yang pertama cuba dihasilkan oleh Universiti. b. CTL juga telah menghasilkan draf <i>Teaching Tips for Effective Teaching</i> untuk membantu pensyarah (khususnya pensyarah muda) untuk merancang dan melaksanakan P&P secara berkesan. Draf ini boleh didapati dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan juga <i>softcopy</i> (<i>downloadable</i> dari portal CTL).	

Bil.	Kategori Program/ Aktiviti	Nama Program/ Aktiviti	Keterangan Ringkas Mengenai Aktiviti/Program	Catatan
12.	Kajian Penyelidikan Berkaitan P&P		<p>a. CTL dengan kerjasama Fakulti/Pusat/Unit telah menjalankan beberapa kajian berkaitan P&P untuk membantu Universiti menyediakan maklumat serta asas yang kukuh dalam membentuk dan/atau menyemak semula dasar berkaitan P&P di UTM.</p> <p>b. Di antara kajian yang dilaksanakan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kualiti Ambilan Pelajar Baru. ii. Pencapaian Akademik Pelajar (Setiap Semester) serta Cadangan Tindakan Susulan Yang Perlu Diambil Oleh Fakulti. iii. Kajian Mengenai Keselarasan Pelbagai Sistem Penggredan Markah Yang Diamalkan Oleh IPTA. iv. Pengesanan Graduan. v. Keberkesanan Program Penerapan Atribut Graduan Di UTM. vi. Pelbagai Gaya Pembelajaran Pelajar UTM vii. <i>Active Learning versus Students' Academic Achievement: Various Case Studies</i> viii. <i>Teaching Content in English</i> 	